UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

# BULETIN
# UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN*
*KAMPUS SEREMBAN*

---

*EDISI 2*
*APRIL 2025*

---

URHP

UiTM *di hatiku*

اوسها. تقوى. موليا

# DEDIKASI URHP : MENJULANG KESEJAHTERAAN MAHASISWA

*Muhammad Syah Ikmal Sujidin*

---

Di bawah langit ilmu yang luas terbentang,
Berdirinya kami di tempat yang gemilang.
Kolej kediaman, rumah kedua,
Di sini bermula cerita bahagia.

Dalam amanah yang dijunjung tinggi,
URHP berbakti tanpa henti.
Keselesaan pelajar dijaga rapi,
Agar kehidupan kolej lebih harmoni.

Fasiliti lengkap, perkhidmatan mesra,
Menjadikan kolej lebih selesa.
Dari keselamatan hingga kebajikan,
Segalanya diurus dengan penuh perhatian.

Wahai penghuni, hargailah jasa,
URHP setia mencurah tenaga.
Moga usaha terus diberkati,
Membina komuniti yang penuh harmoni.